



LBS DAN RAKAN KERJASAMA CEBURI PROJEK PEMBANGUNAN FASILITI HIDROGEN HIJAU BERKAPASITI 10GW DI SABAH

- *MOU Strategik Menandakan Langkah Berterusan Ke Arah Tenaga Mampan*

Petaling Jaya, 14 November 2024 – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju hartanah terkemuka pilihan rakyat, hari ini dengan sukacitanya mengumumkan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Invest Sabah Berhad, Midwest Green Sdn Bhd, dan Lembaga Kemajuan Perhutanan Sabah (SAFODA), di mana LBS berperanan sebagai pemaju utama di bawah MOU ini, sekaligus mengesahkan kepakaran LBS dalam projek pembangunan berdasarkan rekodnya yang cemerlang.

Rangka kerja MOU ini merangkumi pembangunan dan pembinaan kemudahan pengeluaran hidrogen hijau yang menggunakan tenaga solar dan angin, serta pembangunan taman perindustrian hijau di kawasan berpotensi di masa akan datang, dengan keluasan 15,000 hingga 30,000 ekar di Kota Marudu, Sabah. Kemudahan ini disasar untuk menghasilkan 10GW, yang mampu menjana lebih daripada 250,000 tan hidrogen hijau setiap tahun. Dengan lokasi yang unik, tanah di Kota Marudu ini mempunyai kelebihan tersendiri untuk penjanaan tenaga hijau. Selain dari tahap sinaran matahari tertinggi di Malaysia, kawasan ini juga didapati mempunyai kelajuan angin yang konsisten, sekali gus menjadi lokasi ideal untuk pengeluaran tenaga boleh diperbaharui. Selain itu, tapak ini berdekatan dengan pelabuhan, mempermudah urusan logistik eksport, memperkukuh potensinya sebagai hab tenaga hijau serantau.

Salah satu aspek penting dalam jalinan kerjasama ini adalah fokus strategik LBS dalam meneroka tanah yang luas di Kota Marudu ini menerusi kaedah yang selaras dengan matlamat kelestarian nasional. LBS, bersama Midwest Green, akan berkolaborasi

dengan Invest Sabah dan SAFODA untuk menjalankan kerja-kerja kajian tanah dan pemeriksaan tapak bagi mengenal pasti kesesuaian lokasi. Di samping itu, sebuah konsortium akan ditubuhkan bagi menyelaraskan pelbagai pihak berkepentingan tempatan dan antarabangsa yang berminat dengan projek yang berwawasan ini.

Pembangunan ini juga dijangka membuka laluan bagi taman perindustrian hijau di masa akan datang, dan dijangka membantu mengenengahkan negeri Sabah sebagai peneraju dalam tenaga hijau dan inovasi perindustrian. Projek ini dijangka menghasilkan faedah ekonomi yang signifikan, termasuk mencipta peluang pekerjaan dan merangsang industri tempatan lain, yang akan memberi impak positif secara berterusan. MOU ini juga turut dilihat sebagai titik permulaan untuk peluang kolaborasi dengan pelbagai rakan kerjasama tempatan dan antarabangsa, mengorak langkah penting bagi menampilkan negeri Sabah sebagai pemain utama dalam sektor tenaga boleh diperbaharui.

Tan Sri Dato' Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San, Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS, menyatakan, "MOU ini menegaskan komitmen kami terhadap pembangunan mampan dan agenda tenaga hijau Malaysia. Memandangkan potensi tenaga boleh diperbaharui yang besar di Kota Marudu, LBS melihat projek ini sebagai mercu tanda yang akan memacu pertumbuhan ekonomi negeri Sabah selain mewujudkan peluang pekerjaan yang berkekalan bagi komuniti tempatan. Kami berasa bangga untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti Invest Sabah, SAFODA dan Midwest Green dalam memacu pertumbuhan dan inovasi mampan."

~Tamat~